



BIMBINGAN: Encik Chan berkata bimbingan kerjaya terbaik bukan sahaja datang daripada sekolah, tetapi yang terbaik adalah bimbingan kerjaya daripada mereka daripada industri itu sendiri. – Foto ZAOBAO

Peningkatan kemahiran pekerja perlu sejajar transformasi firma: Chun Sing

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

PENINGKATAN kemahiran pekerja perlu maju sejajar dengan transformasi syarikat, kata Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing.

Menurutnya, kurang motivasi bagi pekerja untuk mempertingkatkan kemahiran jika syarikat tidak bersedia untuk membolehkan pekerja menggunakan kemahiran tersebut.

“Jika syarikat melakukan transformasi terhadap operasi mereka dan kita tidak dapat mengikut rentak dengan memastikan pekerja menjalani latihan semula, kita akan berdepan dengan situasi di mana kita tidak mempunyai tenaga buruh yang diperlukan, mahupun tenaga buruh yang berkualiti, yang diperlukan untuk memacu syarikat ke hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Festival Pembelajaran Kesatuan Pekerja Rantian Bekalan (SCEU) di ibu pejabat ST Logistics dekat Pioneer Road, semalam.

Semalam, ST Logistic menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MOU) dalam usaha membangunkan tenaga buruh yang sedia masa depan dalam sektor tersebut.

Ia telah menandatangani MOU dengan Pusat Kecemerlangan Nasional bagi Pembelajaran Tempat Kerja (NACE) yang dipimpin Politeknik Nanyang dan Institut Teknologi Singapura (SIT).

Ia juga memperbaharui MOU sedia ada bersama Hab Pembelajaran NTUC dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

MOU itu akan memberi tumpuan terhadap pembangunan dan penghasilan kurikulum bersama yang disasarkan untuk tenaga kerja sedia masa depan dalam rantai bekalan digital.

Kerjasama dengan NACE pula akan menggalak pensijilan pembelajaran bagi Tempat Kerja Nasional.

Bakat muda dari SIT dan NUS juga akan ditawarkan peluang kerjaya dan bekerja sambil belajar menerusi projek, perekrutan dan Program Bekerja-Belajar bersepadu SIT.

Institut Pengajian Tinggi dan program latihan Pendidikan dan Latihan Berterusan (CET) boleh diubah suai mengikut konteks keperluan perniagaan unik ST Logistics.

Dalam ucapannya, Encik Chan menambah bimbingan dan kaunseling kerjaya terbaik bukan sahaja datang daripada sekolah, tetapi yang terbaik adalah bimbingan kerjaya daripada mereka daripada industri itu sendiri.

“Saya berharap para pemimpin industri seperti ST Logistics dan juga SCEY akan terus bekerjasama dengan sekolah, politeknik, Institut Pendidikan Teknikal (ITE) untuk berbincang dengan pelajar dan memberitahu mereka peluang dalam sektor ini. Ini merupakan testimoni paling terbaik buat pelajar kita,” ujarnya.